

15/04/2003

Hang Tuah Mall lengkap internet

HANG Tuah Mall yang membabitkan kawasan rekreasi siar kaki di pusat bandar kini dikenali menjadi IT Mall selepas dilengkapi kemudahan akses internet yang pertama seumpamanya di negara ini.

Dengan kemudahan `hot spot' menggunakan teknologi jalur lebar tanpa wayar (broadband) dengan kelajuan sehingga 2 Mbps, orang ramai kini boleh melayari internet menggunakan komputer riba masing-masing di mana-mana lokasi di sepanjang Hang Tuah Mall.

Pengguna juga boleh mendapatkan perkhidmatan hotspot melalui kad prabayar bernilai RM19 bagi tempoh 30 hari dan RM35 bagi tempoh tiga bulan tanpa had.

Hang Tuah dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 3 Disember 2002.

Pelaksanaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), perkhidmatan ini akan diperluaskan di hotel, kawasan perindustrian di tempat strategik dalam jangka masa terdekat.

Ia selaras dengan pengisytiharan Tahun ICT Melaka 2003, yang dilancarkan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam.

Serentak dengan pelancaran IT Mall, Kolej Latihan Telekom (KLT) yang terletak di Hang Tuah Mall kini dikenali sebagai Pusat Kreativiti Rakyat (PKR) bagi membolehkan orang ramai menggunakan segala kemudahan di pusat berkenaan.